



MAJLIS VETERINAR MALAYSIA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8870 6051
Email : mvcsecretary@dvs.gov.my
Laman Web : www.mvc.gov.my

Ruj. Kami : DVS.MVM/P/JLD. VII (98)
Tarikh : 01 OGOS 2022

SEMUA DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR

Tuan/ Puan,

PEMBAHARUAN PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE – APC) DOKTOR VETERINAR TAHUN 2023 DAN KEPERLUAN MATA PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT – CPD)

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, semua Doktor Veterinar Berdaftar di Malaysia yang menjalankan pengamalan veterinar bagi tahun berikutnya adalah dikehendaki untuk **memperbaharui Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) sebelum 1hb Disember** (seperti tertakluk di bawah Seksyen 17 (1) Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147]). Selaras dengan Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147], Doktor Veterinar Berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar di Malaysia perlu memiliki Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (Annual Practising Certificate – APC) dan Permit Sementara Untuk Menjalankan Amalan (Temporary Permit To Practise – TPP), tertakluk kepada salah satu syarat pembaharuan iaitu, memenuhi keperluan mata Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development – CPD) sebanyak 50 mata (minimum) bagi pembaharuan APC dan 25 mata (minimum) bagi pembaharuan TPP serta sejumlah 30 mata (minimum) bagi pembaharuan APC Doktor Veterinar Berdaftar yang berumur 60 tahun dan ke atas berdasarkan Doktor Veterinar (Pembangunan Profesional Berterusan) (Pindaan) Arahan 1/2016.
3. Sukacita dimaklumkan, permohonan pembaharuan **APC bagi tahun 2023** akan dibuka **bermula 1 Oktober 2022** secara dalam talian di laman sesawang MVC dengan **pengurangan keperluan mata CPD, minimum 25 mata dan minimum 15 mata bagi Doktor Veterinar Berdaftar berumur 60 tahun dan ke atas**. Penganugerahan mata CPD kepada sebarang aktiviti yang berkaitan akan dinilai bermula pada **1 Oktober 2021 sehingga 30 September 2022**. Bagi permohonan pembaharuan TPP, ianya boleh diakses secara dalam talian di laman sesawang MVC dengan **pengurangan keperluan mata CPD, minimum 15 mata**.
4. Sehubungan itu, mohon kerjasama Tuan/Puan untuk memperbaharui **APC 2023 sebelum 31hb Disember 2022** bagi tujuan pewartaan dan kegagalan untuk membuat sedemikian adalah melanggar Seksyen 17, Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147] yang mewajibkan semua Doktor Veterinar Berdaftar untuk memohon sijil tersebut. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung melalui email: mvc@dvs.gov.my atau di talian: 03-8870 2234. Perhatian dan kerjasama Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DR. AKMA BINTI NGAH HAMID)
Pendaftar
Majlis Veterinar Malaysia